

PELAJAR YTM CEMERLANG

Nabil Basaruddin

nabil.basaruddin@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dunia hari ini pantas berkembang setiap detik. Asakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang tidak terbendung lagi memungkinkan kita tercicir. Kita berdepan dengan ledakan ekonomi digital yang tidak dapat dielakkan lagi.

Menyedari kepentingannya kepada Malaysia yang mula bergerak ke arah negara berpendapatan tinggi, Yayasan Telekom Malaysia (Yayasan TM) mengambil langkah tepat dalam memantapkan bakat dalam kalangan anak muda tempatan.

Pengarahnya Abd Hamid Hashim berkata, sebagai organisasi di bawah syarikat konglomerat, Telekom Malaysia (TM), pihaknya sentiasa bertungkus-lumus mencari pelajar yang mencakupi serta seimbang daripada segi akademik dan praktikalnya.

Beliau berkata, kepentingan ekonomi digital memerlukan

pihaknya memastikan semua pelajar yang menerima biasiswa yayasan khususnya mereka yang dihantar ke Multimedia University (MMU) menjadi pemikir serta pemimpin dalam bidang masing-masing.

"Kami tidak mahu melahirkan individu yang hanya menjalankan kerja teknikal, sebaliknya ia perlu menjadi pemikir yang kritis dan kreatif kerana ia penting bagi kemampanan sesebuah syarikat untuk memiliki modal insan seperti ini," katanya.

Menurutnya, Yayasan TM memberi tumpuan kepada pemimpin muda atau pelajar yang cemerlang dalam akademik dan aktiviti kokurikulum serta mahu mereka berpegang kepada kebudayaan serta seni, malah menyumbang kembali kepada masyarakat.

Inisiatif yang dilakukan Yayasan TM selaras dengan strategi bakat Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) iaitu membangunkan ekosistem

bakat yang mampan.

MDEC adalah agensi yang memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi digital negara.

MDEC bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengiktiraf lapan universiti sebagai Universiti Teknologi Digital Premier serta lima politeknik sebagai Politeknik Teknologi Digital Pilihan.

Dalam senarai lapan universiti itu, MMU antara universiti diiktiraf sebagai institusi pengajian tinggi menawarkan program berkaitan teknologi digital berkualiti tinggi, sekali gus melahirkan graduan yang memenuhi permintaan industri.

Untuk mengukuhkan lagi ekosistem ini, usaha itu turut dikembangkan menerusi rakan industri seperti GRAB, Fusionex, F-Secure, IBM dan PIKOM dalam memastikan pendekatan berkaitan keperluan industri.

Nurlaili Hamimi Faisal, 18, berkata, sebagai pelajar jurusan ICT di MMU dan pemegang biasiswa Yayasan TM, ia banyak memberi kelebihan kepadanya untuk membina minat dalam bidang digital dan ICT.

■ Penuntut Multimedia University cipta dua aplikasi dikenali sebagai The Founder, Vigorcare

Katanya, minatnya dalam bidang terbabit mula terbit pada umur 17 tahun apabila menyertai program eAspirasi dikelola MDEC dalam satu program khas tiga hari yang menekankan mengenai pentingnya bidang digital dan menjadi pereka cipta dalam segmen itu.

"Sebelum jatuh cinta dengan bidang ini, saya gilakan bidang sains namun eAspirasi memberi banyak pendedahan serta praktikal.

"Setakat ini saya menghasilkan dua aplikasi dikenali sebagai The Founder dan Vigorcare masing-masing membantu mencari lokasi tempat parkir serta berkaitan kesihatan," katanya.

Beliau menyertai eAspirasi iaitu antara program luar biasa #mydigitalmaker yang menjadi platform untuk mengembang serta menunjukkan kemampuan dalam teknologi digital.

Sementara itu, Naib Presiden Bakat dan Keusahawanan Digital MDEC, Sumitra Nair berkata, inisiatif #mydigitalmaker adalah usaha untuk mentransformasikan golongan muda di Malaysia untuk menjadi peneraju bidang digital.

"Kami percaya dalam membentuk dan memupuk golongan muda yang berbakat untuk menjadi pakar inovasi digital bukan sahaja dalam negara, malah ke peringkat antarabangsa.

"Paling penting, MDEC kini bekerjasama rapat dengan pemain utama dalam sektor awam dan swasta dalam memperkasa dan mentransformasi bakat ini kepada tenaga kerja professional," katanya.

#mydigitalmaker memfokuskan kepada bidang seperti pengkodan, pembangunan aplikasi, percetakan tiga dimensi (3D), robotik, pengaturcaraan dan analisis data.

Sekiranya anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai kerjaya masa depan untuk anak anda silalah ke Pameran #mydigitalmaker 2017 yang akan diadakan pada 16 hingga 17 September ini bertempat di Dewan 6, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang bermula jam 10 pagi hingga 6 petang.

"Semua pelajar tajaan kami akan diberikan latihan intensif selain program akademik sedia ada"
Abd Hamid

"Saya bercita-cita mencipta aplikasi mudah alih yang memberi kemudahan kepada orang ramai"
Nurlaili

